

SOALAN NO : 119

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S SUBRAMANIAM
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : YB NORMALA BT ABDUL SAMAD [PASIR
GUDANG]**

TARIKH :

SOALAN :

YB Normala bt. Abdul Samad [Pasir Gudang] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah pekerja warganegara asing yang telah dirawat dan telah mendapatkan ubat-ubatan dari hospital dan klinik kesihatan Kerajaan dan jumlah keseluruhan kos yang terlibat dalam rawatan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Disember 2015, berdasarkan rekod Kementerian ini jumlah pekerja warganegara asing yang telah mendapatkan rawatan di fasiliti Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) adalah seramai 63,523 orang. Manakala peruntukan yang disediakan bagi tahun 2015 bagi Belanja Mengurus Kementerian adalah sebanyak RM23.3 bilion.

KKM tidak mengambilkira perbelanjaan bagi merawat warganegara asing atau warganegara tempatan dalam proses penyediaan bajet mengurus dan pembangunan bagi menyediakan kemudahan rawatan di semua fasiliti.

Sumber : Skim Perlindungan Insurans Kesihatan Pekerja Asing (SPIKPA)